UM - 17/8/2021
m/s: 4

# PERJALANAN POLITIK MUHYIDDIN

**1** **1947**
lahir pada 15 Mei di Muar, Johor

**2** **1971**
Menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya; Menyertai UMNO sebagai ahli biasa dalam Bahagian Pagoh

**3** **1974**
Menjadi Penolong Pegawai Daerah Muar

**4** **1978**
Dipilih sebagai Ahli Parlimen Pagoh

**5** **1982**
Dilantik sebagai Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan

**6** **1986**
Menang Kerusi Dewan Undangan Negeri Bukit Serampang dan dilantik menjadi Menteri Besar Johor

**7** **1995**
Kembali ke persekutuan dilantik sebagai Menteri Belia dan Sukan

**8** **1999**
Dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

**9** **2004**
Berpindah kementerian Menjadi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

**10** **2008**
Sekali lagi berpindah kementerian jadi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

**11** **2009**
April dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran dalam Kabinet Datuk Seri Najib Tun Razak. Juga menjadi Timbalan Presiden UMNO

**12** **2015**
Dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO

**13** **2016**
Bergabung dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad menubuhkan Bersatu setelah dipecat oleh UMNO

**14** **2018**
Dilantik sebagai Menteri Dalam Negeri dalam Kabinet Dr. Mahathir selepas Pakatan Harapan (PH) menewaskan Barisan Nasional pada PRU14

**15** **2020**
24 Februari melepaskan jawatan Menteri Dalam Negeri apabila Dr. Mahathir meletak jawatan sebagai Perdana Menteri, rebahnya kerajaan PH. Muhyiddin sebagai Presiden Bersatu bertindak keluar dari PH; 17 Mac pemimpin Bersatu, BN, GPS, PBS, STAR setuju tubuh Perikatan Nasional (PN) didaftar pada 7 Ogos tanpa BN dan PBS; Ogos menang jawatan Presiden Bersatu tanpa bertanding.

**16** **2021**
Desakan supaya beliau letak jawatan apabila terdapat Ahli Parlimen menarik sokongan; Menteri UMNO letak jawatan; UMNO umum tidak lagi menyokong Muhyiddin dan PN

**17** **2021**
16 Ogos Muhyiddin meletak jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia Kelapan.




GRAFIK KEN KAMARUDDIN